

## **Peranan Teknologi Komunikasi dan Sumbangannya ke arah Perkembangan Komunikasi dalam Organisasi yang Berkesan**

Ahlam Binti Abdul Aziz\*  
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

\*Corresponding email: [ahlam73@salam.uitm.edu.my](mailto:ahlam73@salam.uitm.edu.my)

### **Abstrak**

Perkembangan teknologi komunikasi dalam organisasi telah memberi pelbagai kesan terhadap organisasi. Sehingga kini, penggunaan teknologi komunikasi dalam organisasi bukan lagi sekadar memudahkan interaksi antara sesama kakitangan dalam organisasi, malahan telah diperkembangkan sebagai perantara dalam menyampaikan maklumat di samping membantu melancarkan lagi tugas dalam organisasi. Dengan mengambil kira perkembangan teknologi komunikasi dalam negara kini, artikel ini menghuraikan penggunaan dan peranan teknologi komunikasi yang telah menyumbang kepada proses komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Kajian mendapati bahawa sesebuah organisasi yang cekap menggunakan teknologi komunikasi lebih cepat mencapai objektif dan mampu memberi daya saing kepada organisasi lain. Teknologi komunikasi penting dalam memastikan keberkesanan komunikasi dalam sesebuah organisasi. Hal ini bagaimanapun perlu seiring dengan keupayaan organisasi melahirkan kakitangan yang cekap demi mencapai matlamatnya.

**Kata Kunci:** Teknologi Komunikasi, Komunikasi Organisasi, Jaringan Komunikasi Berinternet, Perantara Komunikasi.